

20/11/1997

Cuepacs sokong penuh Dr M

KUALA LUMPUR, Selasa - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyatakan pendirian menyokong penuh kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya, Mohamed Mat Jid, berkata sokongan turut diberikan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cuepacs yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menyokong Dr Mahathir untuk terus menerajui negara ini dalam menghadapi krisis kewangan dan mengutuk sebarang tindakan memburukkan-burukkan beliau.

"Cuepacs mengutuk sekeras-kerasnya tindakan 34 orang anggota Kongres Amerika yang ingin mengemukakan resolusi supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs yang mewakili sektor awam berpendirian rakyat negara ini mempunyai hak menentukan kepemimpinan negara dan pihak luar tidak perlu menunjuk ajar dan mencampuri urusan dalaman negara ini. - Bernama

(END)